



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024 : SEKILAS DATA



3
NEGERI



6
DAERAH



511
KELUARGA




1,722
MANGSA



28
PPS AKTIF



1
KEMATIAN



PETUNJUK



Sempadan Negeri



Sempadan Daerah

INDIKATOR MANGSA (ORANG)



1 – 1,000



1,001 – 5,000



Melebihi 5,000



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023



SITUASI TERKINI

- Sehingga **15 Disember 2023, jam 12.00 tengah hari**, sebanyak **enam (6) daerah di tiga (3) negeri** (**Kelantan, Terengganu dan Selangor**) sedang dilanda banjir dengan **peningkatan mangsa** kepada **1,722** dalam tempoh 24 jam (**berbanding 97 mangsa pada 14 Disember 2023**). Ia melibatkan **511 keluarga** yang ditempatkan di **28 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**.
- Tiga (3) daerah** yang paling teruk terjejas adalah **Kuala Krai, Kelantan (823 mangsa), Tanah Merah, Kelantan (423 mangsa)** dan **Hulu Terengganu, Terengganu (345 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan Dashboard Bencana yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Hanya **satu (1) kematian** akibat banjir MTL melibatkan seorang kanak-kanak lelaki berlaku di Kota Bharu, Kelantan pada **26 November 2023** direkodkan setakat ini.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Pihak MET Malaysia pada **15 Disember 2023 jam 11.50 pagi** telah mengemaskini amaran hujan berterusan **peringkat waspada** yang melibatkan semua daerah di negeri **Kelantan** dan **Terengganu** sehingga **15 Disember 2023**. Amaran hujan berterusan **peringkat waspada** juga telah dikeluarkan untuk beberapa daerah di negeri **Pahang, Johor** dan **Sabah** mulai **18 hingga 19 Disember 2023**.
- Jumlah hujan harian tertinggi untuk tempoh 7 hari lepas adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca, **Iruan monsun** dijangka berlaku pada **17 hingga 23 Disember 2023**. Kedua-dua ini berpotensi membawa hujan berterusan di **selatan Semenanjung** dan **utara Sabah** dalam tempoh berkenaan.
- Pada masa yang sama, penumpuan angin juga dijangka berlaku di utara dan tengah Sarawak sehingga **17 Disember 2023** yang berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang. Sementara itu, di negeri-negeri lain, ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang berpotensi berlaku pada sebelah petang hingga ke malam.
- Amaran banjir terkini yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah pada pukul **4 petang, 14 Disember 2023** yang melibatkan daerah **Hulu Terengganu, Terengganu**.

- Lima (5) buah sungai** yang mencatatkan kenaikan aras air peringkat bahaya, iaitu **Sg. Nerus di Kg. Langkap, Setiu, Terengganu, Sg. Dungun di Jambatan Jerangau, Dungun, Terengganu, Sg. Telemong di Kuala Ping, Hulu Terengganu, Terengganu, Sg. Bidor di Changkat Jong, Hilir Perak, Perak, dan Sg. Luit di Kg. Subuh, Maran, Pahang.**



IMPAK

- Bagi tempoh **11 November hingga 15 Disember 2023**, secara kumulatif seramai **4,703 keluarga** dan **16,338 mangsa** telah ditempatkan di PPS.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga **15 Disember 2023**, hanya **sembilan (9) sekolah rendah** di seluruh Malaysia masih terlibat dengan banjir.
- Empat belas (14) institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **sebelas (11) sekolah rendah** dan **tiga (3) sekolah menengah** di **Kelantan, Terengganu** dan **Selangor**.
- Berdasarkan laporan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM), sehingga **7 Disember 2023**, secara kumulatif anggaran keluasan kawasan pertanian yang terjejas akibat banjir MTL di seluruh negara adalah **4,516.58 hektar** dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak **RM20,605,373.50** dan melibatkan **2,180 orang petani**.
- Berdasarkan laporan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada **4 Disember 2023**, **empat (4) jalan raya masih ditutup** di kawasan yang dilanda banjir:
 - Jln. Panglima Bayu - Rantau Panjang - Jeram Perdah (FT196)
 - Jln. Pengkalan Rakit - Batu Karang (D185)
 - Jln. SK Gual Tok Deh (D333)
 - Jln. Tok Deh - Gual Periok (FT197)
- Berdasarkan laporan oleh JKR pada **4 Disember 2023**, **empat (4) jalan raya alternatif** yang boleh dilalui di kawasan yang dilanda banjir:
 - Jalan Kota Bharu - Rantau Panjang (FT196)
 - Jalan Pasir Mas - Rantau Panjang (D185)
 - Jalan Rantau Panjang Lama (D333)
 - Jalan Kota Bharu - Rantau Panjang (FT197)
- Merujuk kepada laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada **6 Disember 2023**, terdapat **sembilan (9) pos kawalan** Pasukan Gerakan Am (PGA) terjejas akibat banjir di negeri Kelantan, iaitu Terusan, Pak Teh Kana, Salleh Berek, Pulau, Kubang Pak Hitam, Pak Antah, Mek Gombak, Kaloi dan Wakaf Zin.



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebaikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **1,620,855** mangsa di seluruh negara.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi dan fasiliti penyimpanan barang keperluan bencana yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah makanan berbungkus (*packed food*) dan bantuan gotong royong dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti kain batik, kain pelikat, kit kebersihan dan kit minuman.
- JKM juga memperkenalkan makanan retort sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- Tindakan awal yang telah diambil oleh JPS ialah menyediakan pam air di lokasi PPS yang terlibat banjir.
- Tindakan telah diambil di Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat, Kelantan dengan membina *temporary balancing culvert*.
- Tiada kawasan yang diputuskan bekalan elektrik** akibat banjir dan setakat ini bekalan elektrik di semua kawasan termasuk di PPS adalah terkawal.



- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2023/2024.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.

MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Sehingga **15 Disember 2023**, terdapat **sepuluh (10) NGO** yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti **kit kebersihan, tuala wanita, tilam, lampin dewasa, kain batik, makanan ringan, pakaian dalam, Ready to Eat Food, makanan bermasak dan survival kits**.
- NGO turut memberikan **latihan asas kepada murid pra sekolah** di Sekolah Kebangsaan Pangkal Jenerah, Machang, Kelantan berkenaan pengenalan pengangkutan darat, pendidikan keselamatan dan teknik menaiki bot.
- Selain itu, 11 orang sukarelawan dari NGO yang terlibat dalam misi bantuan banjir juga telah memberikan **bantuan khidmat kaunseling** di Sekolah Kebangsaan Tok' Deh, Rantau Panjang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Baroh Pial, Rantau Panjang.
- Terdapat juga NGO yang bergerak ke kawasan penempatan yang dilanda banjir seperti di Taman Desa Wirajaya, Rantau Panjang untuk memberikan **sumbangan barang keperluan asas**.
- NGO yang terdiri daripada empat (4) orang sukarelawan telah menyampaikan sumbangan berupa keperluan makanan dan minuman di Masjid Ittihadi, Kubang Sawa, Tumpat, Kelantan kepada mangsa yang yang terlibat dengan banjir.
- Menurut NGO yang berada di lapangan, penduduk yang terkesan dengan banjir amat memerlukan bantuan keperluan asas dan khidmat pembersihan dari sukarelawan serta orang awam.
- Terdapat juga NGO yang menyumbang **Emergency grab bag** kepada penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir.



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- Tip Keselamatan Banjir :
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari:
<https://portalgencana.nadma.gov.my> dan
<https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Tanah Merah	190,464	43,843	37,898	48	25	25
2.	Kuala Krai	135,407	36,306	30,282	54	28	617
3.	Hulu Terengganu	99,801	29,484	23,870	66	23	32



LAPORAN HARIAN BENCANA


AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI (mm)





LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023

Lampiran 3

FASILITI PENYIMPANAN BARANG KEPERLUAN BENCANA JKM

BIL.	NEGERI	DSKB	STOR NEGERI	STOR DAERAH	MINI DEPOH / KONTENA	PANGKALAN HADAPAN
1.	Perlis	-	1	-	-	1
2.	Kedah	1	-	6	7	-
3.	Pulau Pinang	-	-	5	2	2
4.	Perak	-	1	13	9	-
5.	Selangor	1	-	12	2	37
6.	W.P. Kuala Lumpur	-	1	1	1	-
7.	Negeri Sembilan	-	2	7	-	-
8.	Melaka	-	1	3	4	-
9.	Johor	1	1	10	3	23
10.	Pahang	1	1	11	14	156
11.	Terengganu	1	-	9	13	150
12.	Kelantan	1	-	17	5	160
13.	Sarawak	1	-	12	3	27
14.	Sabah	1	1	21	5	5
15.	W.P. Labuan	-	-	1	-	-
JUMLAH		8	9	128	68	561

DSKB - Depot Simpanan Keperluan Bencana



LAPORAN HARIAN BENCANA

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 DISEMBER 2023

Lampiran 4

JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)	40	4x4: 1, BOT: 4, AMBULANS: 1, LORI: 1, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	42	LORI 3 TAN: 2, LORI 1 TAN: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	95	4x4: 6, LORI: 2, BOT: 3, FRT/LFRT: 10, EMRS: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	59	4x4: 2, BOT: 2, LORI: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	34	-
2.	TERENGGANU	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	17	4x4: 3 LORI: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	45	4x4: 5, BOT: 5
3.	SELANGOR	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	63	4x4: 3, BOT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	4	-